



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



ANALISIS PRINSIP-PRINSIP KOMUNIKASI ISLAM DALAM KITAB AL-QURAN

AN ANALYSIS OF ISLAMIC COMMUNICATION PRINCIPLES IN THE AL- QURAN

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin², Abang Mohd Razif Abang Muis³,
Irma Wani Othman^{4*}, Mohd Sohaimi Esa⁵, Romzi Ationg⁶ & Siti Aida Lukin @ Lokin⁷

- ¹ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: saifulazry@ums.edu.my
 - ² Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mnhidayath_h@ums.edu.my
 - ³ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: amrazif@ums.edu.my
 - ⁴ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: irma@ums.edu.my
 - ⁵ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: msohaimi@ums.edu.my
 - ⁶ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: mrationg@ums.edu.my
 - ⁷ Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah
Email: sitiaida@ums.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2021
Revised date: 15.02.2021
Accepted date: 15.03.2021
Published date: 30.04.2021

To cite this document:

Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam Dalam Kitab Al-Quran. *International Journal of Law,*

Abstrak:

Komunikasi adalah satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Setiap manusia sudah pasti akan melakukan komunikasi sama ada secara lisan ataupun bukan lisan. Namun, ada dalam kalangan masyarakat hari ini tidak mengendahkan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi ketika berlangsungnya komunikasi. Mereka petah berkata-kata dan bebas berbicara sehinggakan menimbulkan fitnah serta penyebaran maklumat yang tidak benar dari fakta asal. Sepertimana yang selalu diingatkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 'tidak pasti jangan kongsi'. Berdasarkan kepada pernyataan inilah, satu analisis prinsip komunikasi dalam al-Quran perlu dilakukan bagi menzahirkan perintah Allah dalam etika berkomunikasi khususnya kepada umat Islam. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 19 corak komunikasi yang terdapat dalam al-Quran dan pengkaji telah mengklasifikasikan prinsip komunikasi tersebut kepada dua bentuk yang utama iaitu komunikasi bi al-Lisan dan komunikasi bi al-Hal. Dengan

Government and Communication, 6
(23), 140-156.

DOI: 10.35631/IJLGC.6230010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



berteraskan kepada prinsip komunikasi ini dalam kehidupan, sudah pasti masyarakat akan hidup dalam aman dan harmoni selaras dengan kehendak Allah.

Kata Kunci:

Prinsip Komunikasi, Komunikasi Islam, Al-Quran

Abstract:

Communication is an important element in human life. Every human being will communicate either verbally or non-verbally. However, some in society today ignore the principles that need to be adhered to during communication. They are speechless and free to speak to cause libel and dissemination of untrue information from the original facts. As the Ministry of Communications and Multimedia Malaysia has warned, 'no doubt don't share'. Based on this statement, an analysis of the principles of communication in the Quran should be done to express Allah's command in the ethics of communicating especially to Muslims. The findings showed that there are 19 communication patterns found in the Quran and the reviewers have classified the principles of communication into two main forms which are bi al-Lisan communication and communication bi al-Hal. Based on the principles of communication in life, it is certain that society will live in peace and harmony in accordance with the will of God.

Keywords:

Principles of Communication; Islamic Communication; The Quran

Pendahuluan

Islam telah mengatur prinsip-prinsipnya yang tersendiri dalam sesuatu proses komunikasi yang berlangsung antara sesama manusia. Prinsip-prinsip tersebut adalah demi memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat. Berdasarkan hakikat yang berlaku dalam kehidupan manusia secara bermasyarakat, kita perlu mengetahui dan mengaplikasikan prinsip-prinsip komunikasi tersebut dalam kehidupan seharian. Tanpa prinsip komunikasi, manusia sering kali akan melakukan pelbagai kesalahan dan kesilapan dalam tutur katanya. Dengan kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, tanpa disedari, ia akan mengundang sesuatu perkara yang tidak dirancang. Bagi memastikan sesebuah komunikasi itu berkesan dan terkesan kepada pendengar, komunikasi tersebut hendaklah dilakukan dengan menggunakan perkataan yang baik, bijak dan pandai mengatur kata-kata, mengetahui situasi yang sesuai untuk meneruskan komunikasi ataupun secara ringkasnya adalah dengan menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang telah ditetapkan. Ini kerana, perkataan yang buruk atau yang tidak bersesuaian itu akan mendatangkan musibah kepada diri penguap sendiri. Untuk itu, ia perlulah kembali kepada prinsip-prinsip komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran agar apa yang kita bicarakan akan mudah difahami dan diterima oleh masyarakat. Pun begitu, di era globalisasi ini masih lagi terdapat kekurangan dalam penulisan prinsip-prinsip komunikasi yang berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran. Kebanyakan daripada sarjana hanya mengarapkan prinsip komunikasi secara umum tanpa disertakan dengan dalil-dalil al-Quran yang menunjukkan kepentingan prinsip komunikasi tersebut dalam kehidupan seharian. Jadi, dalam artikel ini penulis mengambil langkah alternatif untuk mengenali, mengkaji serta mengeluarkan prinsip-prinsip komunikasi tersebut berdasarkan ayat-ayat al-Quran sebagai panduan kepada pembaca bagi merealisasikan dalam kehidupan.

Sorotan Literatur

Secara umumnya, pengkaji telah merujuk kepada kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan bidang komunikasi Islam. Namun, pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian yang terkhusus berkaitan dengan prinsip dan model komunikasi Islam. Walau bagaimanapun, di sini pengkaji sertakan hasil penelitian terhadap beberapa buah buku yang terkandung dalam bidang komunikasi. Pertama adalah sebuah buku yang bertajuk “*Komunikasi di Tempat Kerja*” yang membahaskan cara dan teknik komunikasi khususnya di tempat kerja. Buku hasil karangan Abdullah Hassan dan Ainon Mohammad ini amat sesuai untuk dijadikan sebagai panduan asas kepada golongan pekerja daripada seorang eksekutif muda sehinggalah kepada pengurus syarikat. Di antara tujuan buku ini ditulis mengikut pendapat pengarang adalah untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi secara rasmi baik secara lisan mahupun tulisan, termasuklah melalui penemuan alat terbaru komunikasi hari ini (E-mail). Selain itu, buku ini juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bercakap serta menghuraikan berkenaan komunikasi dan pengurusannya (Abdullah Hassan & Ainon Mohammad, 2002).

Keduanya, buku yang bertajuk *Komunikasi Berkesan* yang membicarakan tentang bagaimanakah yang dikatakan dengan komunikasi yang berkesan. Pengarang telah membahagikan perbincangan tentang komunikasi kepada dua jilid iaitu *Komunikasi Berkesan Jilid I* yang membicarakan tentang Pengkajian Berita, Rencana dan Ulasan dan *Komunikasi Berkesan Jilid 2*, membicarakan tentang Pengkajian Memo, Surat, Iklan dan Laporan (Minit Mesyuarat). Buku ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Prinsip Umum, Penggarapan dan Keseragaman Gaya. Buku *Komunikasi Berkesan* Jilid I dapat membimbing pembaca meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bidang pengkajian berita, rencana dan ulasan, manakala *Komunikasi Berkesan* Jilid II dapat membimbing pembaca meningkatkan kemahiran komunikasi pengkajian memo, surat, laporan, minit mesyuarat, dan iklan. Terdapat sedikit perbincangan berkenaan dengan prinsip komunikasi dalam buku ini, namun perbincangan tersebut bukanlah berdasarkan kepada ayat al-Qur’an tetapi berdasarkan nilai-nilai murni. Buku ini lebih menekankan aspek keberkesanan pembaca dalam kemahiran komunikasi pengkajian menerusi perkembangan bahasa dan kemahiran sosial, dan mengembangkan kemahiran pembaca mengendalikan pelbagai maklumat supaya pembaca dapat menguasai, menilai dan mengatur maklumat tersebut bagi tujuan sendiri, dan kemudian menyampaikannya dalam bentuk yang berkesan apabila dikehendaki dalam pekerjaan sehari-hari bagi faedah organisasi (Sulaiman Masri, 2003).

Seterusnya, dalam buku yang bertajuk *Konsep Tutur Bicara dalam Islam*, pengkaji dapati bahawa buku ini membicarakan tentang peraturan dan panduan untuk bertutur mengikut kehendak Islam. Dalam buku ini terdapat beberapa konsep tutur bicara yang ditekankan oleh pengarang, selari dengan kehendak Islam berdasarkan kepada al-Qur’an dan al-Hadith. Buku ini juga menyentuh bagaimana cara komunikasi yang terbaik sebagaimana komunikasi yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan. Namun begitu, konsep tutur bicara ini tidaklah dibincangkan secara terperinci dan keterangannya masih boleh dihuraikan dengan lebih mendalam lagi (Fauziah Mohamad, 1996).

Manakala menerusi Ahmad Zamroni dan Abdul Hafiz (1997) dalam bukunya yang berjudul *Etika Dialog dalam Islam* pula membincangkan berkenaan etika atau tatacara untuk berdialog mengikut landasan Islam. Buku ini adalah hasil dari terjemahan sebuah buku Arab yang bertajuk *Adābul Hiwār fi Islām*. Buku ini turut menyentuh tentang cara-cara untuk berdialog dan pengetahuan asas dalam melaksanakan dialog. Buku ini juga turut menyentuh bagaimana

proses komunikasi yang berlaku antara Allah dengan Malaikat, Allah dengan para rasul dan sebagainya yang tercatat di dalam al-Qur'an. Namun, buku ini tidak menyentuh sedikitpun tentang model komunikasi yang wujud dalam al-Qur'an, bahkan membincangkan tentang panduan yang terbaik dalam komunikasi yang perlu diikuti oleh setiap manusia.

Tinjauan seterusnya adalah berkaitan tulisan Abdullah Hassan (2002) iaitu *Komunikasi untuk Pendakwah, Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*. Dalam pemerhatian pengkaji, buku ini merupakan buku panduan dan persediaan yang amat sesuai bagi bakal pendakwah dan masyarakat amnya. Buku ini turut membincangkan tentang bagaimana untuk berkomunikasi dengan masyarakat dan aspek-aspek yang ditekankan sewaktu bermulanya proses komunikasi. Pengarang juga menceritakan bagaimana cara dan panduan bagi mengubah sikap dan tingkah laku orang lain menerusi komunikasi. Selain itu, buku ini juga turut menekankan bahawa asas untuk berdakwah adalah dari penguasaan ilmu komunikasi dan sikap yang dimiliki oleh seseorang pendakwah itu sendiri. Dengan itu, dalam buku ini terhasillah sedikit sebanyak prinsip komunikasi yang berkesan dan boleh dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan proses komunikasi.

Sorotan terakhir pengkaji adalah kajian yang dijalankan oleh Rosni, Jamiurrashid, Rafiza dan Khodijah (2015) berkaitan dengan *Komunikasi Dalam Islam Prinsip-Prinsip Berdasarkan al-Quran Dan al-Sunah*. Kajian ini pada umumnya dilihat seperti membincangkan prinsip komunikasi dalam al-Quran dan hadis. Namun setelah pengkaji meneliti dan memperhalusi artikel tersebut, mereka hanya memberikan penekanan kepada prinsip komunikasi menerusi al-Sunah dan hanya sedikit yang dikeluarkan daripada ayat-ayat al-Quran. Demikianlah pemerhatian pengkaji terhadap beberapa buah buku dan kajian terdahulu berkaitan dengan bidang komunikasi. Berdasarkan kepada kajian tersebut dapatlah pengkaji rumuskan di sini bahawa pengkajian dan penelitian secara mendalam berkaitan dengan prinsip komunikasi dalam al-Quran belum pernah dikupas dalam mana-mana artikel. Justeru, kajian yang bakal pengkaji hasilkan ini adalah satu dapatan baharu yang perlu dikuasai oleh setiap individu sebelum melaksanakan proses komunikasi.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan dilaksanakan dengan mengaplikasi kaedah analisis kandungan. Analisis Kandungan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah analisis berkaitan dengan prinsip-prinsip komunikasi yang terdapat dalam kitab al-Quran. Analisis kandungan merupakan sebahagian dari teknik melakukan penyelidikan khususnya berkaitan teks bertulis tertentu. Ia melibatkan proses merumus serta melaporkan data secara bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007) serta analisa terhadap kandungan sesebuah teks (Ghazali Darussalam & Hussin, 2016). Bezanya strategi ini dengan kaedah lain ialah ia menggunakan analisis bukan manusia tetapi perkataan atau istilah yang terdapat dalam al-Quran. Ulasan dan pengamatan diberi terhadap perkara yang dilihat, didengar, dibaca dan diperkatakan (Sulaiman Masri, 2003) menerusi tafsir al-Quran.

Prinsip Komunikasi Islam

Sebagaimana yang diketahui bahawa setiap sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan itu pasti mempunyai prinsip dan matlamat yang ingin dicapai. Sejauh mana pencapaian sesuatu objektif tersebut, bergantung kepada sejauh mana pengaplikasiannya terhadap perkara tersebut. Ini termasuklah dalam konteks komunikasi yang sering kita lakukan dalam kehidupan seharian. Tanpa disedari bahawa komunikasi yang diperkatakan itu akan mengundang impak yang besar dalam kehidupan seseorang. Lantaran itu, Allah SWT telah menggariskan beberapa prinsip

komunikasi kepada hamba-hambanya menerusi firmanNya di dalam al-Quran sebagai panduan dan rujukan manusia untuk berkomunikasi. Komunikasi ini seringkali dikaitkan dengan Komunikasi Islam. Menurut Khatibah (Khatibah, 2016) komunikasi Islam adalah komunikasi yang berlandaskan pada al-Quran dan Hadis. Selaku manusia, tidaklah sepatutnya memandang remeh dengan prinsip komunikasi yang ada kerana dengan prinsip-prinsip tersebutlah kehidupan manusia di dunia ini berada dalam keadaan aman dan damai. Menurut Helmi Akhtar dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi (2017) kepentingan komunikasi dari perspektif Islam boleh dilihat dari sudut menyebarkan dakwah, menjaga hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah, melaksanakan tuntutan-tuntutan Syariah dan menegakkan prinsip *amar ma'rūf nahī munkar* serta melaksanakan apa sahaja perintah Allah dan menjauhi diri segala laranganNya. Jadi, di sini penulis telah mengeluarkan dua prinsip komunikasi secara umum yang telah tertera dalam al-Quran sebagai panduan untuk berkomunikasi. Prinsip komunikasi yang telah penulis garapkan tersebut ialah *komunikasi bi al-Lisān* dan *komunikasi bi al-Hal*. Perbincangan terperinci mengenai komunikasi tersebut adalah seperti berikut:

Komunikasi bi al-Lisan

Komunikasi bi al-Lisan atau komunikasi verbal merupakan satu bentuk komunikasi yang berlangsung dengan menggunakan bahasa dan sebarang bentuk simbol untuk memudahkan pertukaran mesej atau maklumat. Ia juga boleh dikatakan sebagai sinonim dengan segala bentuk sistem interaksi dalam yang bersifat simbolik dan rambang (Gouran, Wiethoff & Doelger, 1994). Komunikasi ini juga dikenali sebagai pertuturan interaksi simbolik (*spoken symbolyc interaction*) yang turut merupakan proses di mana seseorang menggunakan perkataan dan lain-lain simbol untuk membentuk makna serta mempengaruhi orang lain (Trenholm, 1994). Di sini penulis merumuskan bahawa *komunikasi bi al-Lisan* atau komunikasi verbal ini adalah komunikasi yang dilakukan dengan menggunakan perkataan, suara, nada serta komunikasi yang dilaksanakan menerusi beberapa bentuk simbol pertuturan yang dapat difahami oleh pendengarnya. Dalam kategori ini terdapat pelbagai prinsip komunikasi yang terkandung di dalamnya.

Antara prinsip komunikasi yang terdapat dalam *komunikasi bi al-Lisan* ini ialah:

Menggunakan Bahasa Dan Perkataan Yang Baik

Kemahiran berkomunikasi bermaksud kemahiran dalam menggunakan bahasa. Bagi seseorang pendakwah, sebelum seseorang itu melaksanakan aktiviti dakwah, seseorang itu hendaklah terlebih dahulu membekalkan diri mereka dengan kemahiran berkomunikasi. Kemahiran berkomunikasi seperti bertutur dengan fasih, lancar dan teratur serta menggunakan laras bahasa yang sistematik kerana ini menunjukkan keyakinan seseorang mengenai perkara yang sedang diperkatakannya. Di samping itu juga, mereka juga perlulah berhati-hati memilih dan menggunakan perkataan dalam pertuturannya. Apabila sedang berkomunikasi perlulah mengucapkan kata-kata yang membuatkan seseorang itu gembira dan seronok serta mudah difahami. Jika disingkap kembali sejarah pendakwaan nabi dalam menjalin hubungan luar, Baginda tidak melakukannya dengan berjumpa sendiri pemerintah atau pembesar negara itu. Sebaliknya dengan menghantar utusan yang mewakilinya dan setiap utusan tersebut mempunyai ciri-ciri tertentu. Salah satu dari ciri yang diutamakan ialah mengetahui bahasa pertuturan ditempat yang diutuskannya itu (Roziyah Sidek, 2004). Berdasarkan ayat (Surah al-Baqarah, 2:83), Maulana Abdullah, 1991) mengulas bahawa bercakap kepada sesama manusia dengan perkataan yang baik bukan sahaja bermaksud tata tertib lahiriah dari para pemimpin kepada mereka yang paling rendah kedudukannya di kalangan manusia, tetapi bermaksud

penjagaan ke atas manusia supaya mereka tidak tertindas, ditipu dan dikhianati atau diperlakukan dengan perkara-perkara yang menjadikan akal mereka tumpul dan lali.

Latihan menggunakan bahasa atau perkataan yang baik ini bermula dari rumah. Suami yang sentiasa menggunakan perkataan yang baik akan menjadi ikutan kepada isteri. Begitu juga isteri yang sentiasa menggunakan perkataan yang baik akan menjadi ikutan suami. Seterusnya amalan ini jika dilihat oleh anak-anak akan menjadi ikutan dan amalan mereka pula. Menggunakan perkataan yang baik di dalam komunikasi mampu mengubah situasi menjadi yang lebih baik serta mampu melembutkan hati yang keras. Kata-kata yang baik akan menepis bisikan syaitan yang suka menyalakan api kebencian dan permusuhan sesama makhluk. Selain itu, bercakap dengan lemah-lembut juga akan menyebabkan orang mendengarnya merasa tenang dan selesa sekaligus boleh menerima percakapan atau nasihat yang disampaikan dengan hati yang terbuka (Harun Yahya, 2004), (Bukhari, *Sahih*, Kitab (78), Bab (31:6018). Oleh itu, setiap manusia perlu menuturkan perkataan yang baik-baik terutamanya para pendakwah. Ini kerana perkataan yang baik itu akan melunakkan telinga pendengar dan melembutkan hatinya untuk menerima apa yang diperkatakan. Perkataan yang baik juga akan meluahkan sikap sebenar diri seseorang itu tanpa disedari. Bertuturlah dengan sebaik-baik perkataan agar ia menjadi pegangan kepada sesiapa yang mendengarnya (Surah Fussilat, 41:34-35). Komunikasi dengan menggunakan kata-kata yang baik merupakan suatu kaedah dakwah yang berkesan, baik dan sesuai digunakan dalam banyak situasi dan terhadap pelbagai golongan sasaran dakwah. Ia wajar dilaksanakan oleh umat Islam dengan cara yang baik dan berhikmah sepertimana yang diajarkan oleh para nabi-nabi terdahulu. Kata-kata nasihat para nabi dalam al-Quran sangat wajar diperhatikan dengan teliti untuk dikutip unsur-unsur kekuatan yang ada di dalam kata-kata nasihat itu, termasuk juga isi kandungannya, gaya bahasa dan lain-lain.

Jelaslah di sini bahawa Allah S.W.T menyuruh hamba dan rasulNya yang beriman menggunakan perkataan yang baik dan mengucapkan *kalimah tayyibah*. Bercakap dengan lemah lembut dapat menghindarkan seorang Muslim itu dari melakukan sesuatu yang sia-sia seperti bergurau senda yang berlebihan, melakukan penghinaan serta ejekan. Di mana penghinaan itu dianggap sebagai merendahkan-merendahkan darjat orang lain, mencela kekurangan mereka sehingga membuatkan orang-orang lain mentertawakannya. Perbuatan ini adalah dilarang dan ditegah oleh Allah S.W.T (Surah al-Hujurat, 49:11). Dengan berdasarkan dalil-dalil tersebut, sudah jelas kepada kita bahawa Islam amat menyeru dan menyuruh manusia supaya menggunakan bahasa dan perkataan yang baik semasa melakukan proses komunikasi. Perintah menggunakan bahasa dan perkataan ini tidak hanya tertumpu kepada sesama Muslim sahaja, bahkan ia meluas sehingga kepada golongan bukan Muslim. Oleh itu, gunakanlah bahasa dan perkataan yang baik ketika berkata-kata, agar kata-kata kita itu menyerap ke hati pendengar.

Berdialog Dengan Cara Yang Baik

Terdapat pelbagai bentuk dalam berkomunikasi. Antaranya termasuklah berdialog dengan cara yang baik yang juga termasuk dalam kategori prinsip komunikasi Islam berkonsepkan kebaikan (Surah al-Nahl, 16:125). Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT menerangkan tentang cara dan tata tertib dakwah Islamiyah. Dalam ayat tersebut terdapat tiga cara atau kaedah yang jelas dalam berkomunikasi dan menyeru dakwah sesama manusia iaitu dengan hikmat kebijaksanaan, nasihat pengajaran yang baik dan berbahas dengan cara yang baik. Ayat ini juga jelas menunjukkan kepada kita bahawa berbincang atau berdialog dengan cara yang baik bertujuan untuk menghindarkan tanggapan negatif masyarakat terhadap pendakwah. Dengan

metode ini juga, dapat memberi kesedaran bahawa mereka dan pendakwah adalah dua orang sahabat yang berinteraksi antara satu sama lain bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Di samping itu juga, penutur atau pendakwah haruslah menghormati dan menghargai pemikiran serta peribadi mereka (Sulaiman Ibrahim, 2005).

Dalam suasana dialog yang baik, mana-mana pihak tidak akan merasa diri mereka ditekan. Masing-masing akan merasa diri mereka dihormati, kerana mereka sama-sama berusaha untuk mencari kebenaran dengan tiada siapa yang menang atau kalah. Apa yang ada ialah kerjasama dalam perbincangan untuk mencari kebenaran. Antara kepentingan dan matlamat berdialog dengan dengan baik dalam usaha dakwah Islamiyyah tidak perlu dipertikaikan lagi. Justeru, ia adalah suatu manhaj dakwah yang telah digaris oleh Allah dalam al-Quran al-Karim yang telah digunakan oleh para nabi dan Rasul yang terdahulu dan juga para pendakwah yang mewarisi dakwah Islamiyyah (Abdullah Muhammad Zin, 1997). Berdialog atau perdebatan yang dianjurkan oleh al-Quran perlu memenuhi beberapa syarat antaranya ialah berdialog dengan penuh lembut, halus dan sapaan yang sopan. Dialog yang diadakan itu hendaklah bermatlamat bagi menegakkan kebenaran Islam, membatalkan hujah-hujah musuh dengan idea-idea yang bernas dan benar juga memelihara kesucian maruah Islam.

Antara adab-adab ketika berdialog ialah menjaga perasaan dan hati pihak lawan, tidak merendah-rendahkan pihak lawan atau menjatuhkan maruah serta harga dirinya, juga tetap menampakkan penghargaan kepada pihak lawan. Contoh lain berkenaan dengan prinsip komunikasi dalam al-Quran dapat dilihat melalui dialog atau perdebatan Nabi Nuh AS. terhadap kaumnya yang mana telah dinukilkan dalam al-Quran pada surah Hud ayat 32-33. Berdasarkan ayat ini, jelas sekali dapat dilihat kegelisahan kaum Nabi Nuh kesan daripada mujadalah atau dialog yang dilakukan oleh Nabi Nuh AS. Dari segi natijahnya, memang Nabi Nuh tidak mampu menarik ramai kaum baginda memeluk agama Allah, namun ia tidak langsung menjejaskan prinsip komunikasi yang dianjurkan ini untuk digunakan sebagai salah satu daripada metode dakwah, terutamanya terhadap golongan kafir dan golongan yang keras hatinya.

Di samping itu, berdialog juga bertujuan untuk membatalkan hujah-hujah musuh yang menentang dan memerangi Islam juga umatnya. Pembatalan hujah ini dilakukan secara yang lebih baik sepertimana yang telah diperintahkan oleh Allah Taala. Seterusnya melalui dialog ini dapat memperkayakan pemikiran dan ilmu pengetahuan serta memperdalamkannya kepada masyarakat Islam umumnya. Selaku pendakwah, kita perlu mengetahui ilmu komunikasi yang berkesan. Ini kerana orang yang arif dengan ilmu komunikasi sahaja yang dapat menjinakkan hati yang dikotori dengan gelombang maksiat. Komunikasi yang sesuai sahaja yang akan dapat membuahkan hasil yang baik kerana ia bertepatan dengan kehendak penerima ataupun pendengar. Jelaslah bahawa berdialog atau perdebatan yang hendak dilakukan mestilah mengikut prinsip yang telah termaktub di dalam al-Quran menerusi dialog dengan cara yang terbaik dan berhikmah.

Menggunakan Hikmah Dan Nasihat Yang Baik

Komunikasi dalam Islam hendaklah berlangsung secara penuh hikmah. Apa yang dimaksudkan dengan hikmah di sini ialah dengan menggunakan perkataan atau perbuatan yang baik serta dapat diterima mudah oleh penerima (komunikan). Dengan menggunakan hikmah dalam berkomunikasi membawa maksud bijak berkomunikasi dengan mengambil kira keadaan dan keperluan semasa. Contoh terbaik dalam persoalan ini adalah menerusi kepimpinan Rasulullah dan para sahabat baginda dimana dengan pengaplikasian kaedah komunikasi secara berhikmah

telah terbukti dengan keutuhan peradaban Islam yang mereka bina. Mereka berjuang untuk menegakkan Islam dengan penuh hikmah, sama ada antara sesama masyarakat Islam ataupun dengan golongan-golongan kafir. Komunikasi yang telah dilakukan oleh mereka adalah bertepatan dan bersesuaian dengan keadaan mereka ketika itu dan mendapat pengiktirafan dari al-Quran (Surah al-Fath, 48:29). Berdasarkan ayat tersebut, maka jelaslah di sini bahawa dalam memastikan sesuatu komunikasi itu berkesan atau tidak, lihatlah kepada perubahan yang mereka lakukan. Perubahan kepada yang lebih baik itulah tanda keberkesanan dalam komunikasi yang dijalankan. Untuk memastikan komunikasi itu berjaya, maka kita perlulah berkomunikasi dengan menggunakan hikmah dan nasihat yang baik agar mereka dapat menerima segala apa yang diperkatakan dengan hati yang terbuka tanpa menguris dan melukakan hatinya.

Bercakap Benar

Kebenaran merupakan menu utama dalam proses komunikasi. Ia menunjukkan bahawa aspek kebenaran ini adalah intipati yang perlu ada dalam setiap bentuk komunikasi termasuklah dalam konteks berdakwah. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT (Surah al-Ahzab, 33:70) dan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Iman seseorang itu tidak lurus kecuali hatinya lurus dan hatinya tidak lurus kecuali lidahnya lurus”*. Berdasarkan kepada kedua-dua dalil naqli di atas jelaslah menunjukkan bahawa bercakap benar adalah satu tuntutan dalam agama Islam. Allah SWT memerintahkan hambanya supaya berkata benar dalam setiap apa yang dilakukan atau diperkatakan. Kata-kata yang benar akan menyelamatkan kita dari segala masalah. Manusia juga perlu berkata benar dalam apa jua keadaan, walaupun ketika marah dan tidak menuruti hawa nafsu. Prinsip ini juga selaras dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: *“katakanlah kebenaran itu sekalipun ia pahit”*. Apabila kita berkata benar, masyarakat akan mempercayai kita dan sekaligus mudah bagi kita menyampaikan risalah dakwah. Sekali kita tidak dipercayai ataupun menipu, kita akan disisih oleh masyarakat dan perkataan kita tidak lagi menjadi madu kepada mereka bahkan racun yang berbisa.

Bercakap Dengan Lemah Lembut

Bercakap dengan lemah lembut merupakan satu lagi prinsip komunikasi yang dapat memberikan impak yang sangat mendalam dan akan meninggalkan kesan ke dalam jiwa pendengarnya. Ini boleh diamalkan dengan mempraktikkan beberapa kaedah komunikasi yang baik. Antaranya ialah persekitan yang selesa, kesediaan mendengar terlebih dahulu, menunjukkan minat dan semangat, kesediaan menerima cadangan atau perbezaan pendapat, bertindak balas dengan pesanan dan bukan mendengar daripada orang lain serta jujur dan berterus terang (Mohd. Nazri Zainuddin, 2005). Bercakap dengan lemah lembut juga amat dituntut oleh syariat. Ini kerana dengan berlemah lembut akan dapat melembutkan hati yang sekeras batu. Ibaratkan api yang disembah dengan minyak akan menyebarkan lagi kebakaran sedangkan apabila disembah dengan air, keadaannya semakin berkurangan.

Tidak Berbentuk Cacian Atau Kejian

Islam menegah sebarang bentuk komunikasi yang mengandungi perkataan, tindakan atau apa jua makna yang bersifat keji seperti penghinaan, fitnah, dusta, ejekan, maki hamun, riak dan sebagainya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Humazah ayat 1 yang bermaksud: *“Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji”*. Menerusi ayat ini dan ayat-ayat berikutnya dalam surah al-Humazah, Allah SWT telah menggambarkan kepada hamba-hambanya berkaitan keburukan orang-orang yang mencemuh dan memandang rendah kepada orang lain. Kejian yang diizinkan hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang sememangnya

keji seperti zina, liwat dan sebagainya. Namun begitu, kejian tersebut hendaklah dilakukan dengan penuh hikmah dan bahasa yang baik serta tegas (Mustafa, 1995). Kejian dalam konteks tersebut hendaklah dilakukan dengan tujuan kebaikan dan bukanlah hanya sekadar kejian.

Tidak Berkaitan Dengan Sesuatu Yang Batil

Percakapan atau apa jua bentuk simbol dan makna yang batil adalah terlalu banyak. Segala bentuk bahasa, simbol dan makna yang berbaur keburukan adalah dianggap sebagai batil. Rosak budi dalam berbahasa juga terjadi apabila wujudnya perkara-perkara batil dalam percakapan. Antara perkara batil tersebut ialah hal maksiat seperti menceritakan hal keadaan wanita jahat (pelacur), keadaan tempat minum arak (bar), tempat kaki judi berhimpun dan tempat maksiat yang lain (Surah al-Muddathir, 74:45) dan (Surah al-Nisa', 4:140). Dalam ayat ini, Allah menegaskan kepada hamba-hambaNya apabila mendengar kebenaran itu diring-ringankan, sepatutnya hendaklah adakan bantahan dan berundur daripada kumpulan itu, bukannya kerana kesombongan tetapi kita berfikir kerana kita adalah orang yang bermartabat lebih tinggi dari orang lain kerana bimbang kita akan termasuk dalam kumpulan tersebut. Tetapi mungkin juga bantahan itu akan membuatkan mereka tidak bersetuju namun ia penting dilakukan kerana dapat menyelamatkan mereka daripada mempersenda-sendakan kebenaran (Maulana Abdullah, 1991).

Allah SWT sangat melarang sebarang bentuk komunikasi yang menjurus kepada perkara-perkara batil. Ini kerana perbuatan tersebut akan mengundang kemurkaan Allah dan kesengsaraan hidup di dunia dan di akhirat kelak. Menurut Tomi Hendra dan Peri Musliadi (2019), sebelum menerima sebarang informasi dari penutur, pendengar hendaklah terlebih dahulu meneliti segala mesej yang disampaikan olehnya sama ada ia benar ataupun sebaliknya. Ini kerana, sekiranya pendengar menerima mesej tersebut secara total, tanpa membuat penelitian, boleh jadi mesej tersebut salah dan ia boleh mendatangkan impak yang negatif. Jika tidak mempunyai hal yang penting untuk dibicarakan, mendiamkan diri adalah hal yang terbaik dilakukan. Rasulullah SAW. sebagai contohnya, adalah seorang yang tidak banyak bercakap. Sekalipun berperanan sebagai rasul dan pemimpin tertinggi umat Islam, namun baginda lebih banyak berdiam diri dan hanya bercakap mengikut keperluan. Ini terbukti sebagaimana sabdanya dalam sebuah hadis yang bermaksud : *“Barang siapa yang beriman dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah berkata-kata tentang kebaikan atau berdiam diri sahaja”* (Bukhari, *Sahih*, Kitab (78), Bab (31:6018). Oleh itu, elakkanlah diri dari berkata sesuatu yang batil kerana ia bukan mengundang sesuatu yang berharga kepada penutur tetapi ia akan menambahkan lagi persengketaan dan permusuhan.

Kesesuaian Nada Percakapan

Nada percakapan yang sesuai, lembut dan baik ketika berbicara dengan seseorang adalah sangat berkesan dalam mempengaruhi perasaan seseorang. Ini dibuktikan oleh Allah dalam surah Taha ayat 43-44. Dengan berpandukan kepada ayat tersebut, maka jelaslah kepada kita bahawa nada percakapan yang sesuai adalah penting dalam berbicara, sekalipun berbicara dengan pihak musuh. Islam telah menggariskan kepada manusia bahawa dengan nada yang baik dan kata-kata yang lunak dapat menghancurkan hati yang sekeras batu. Namun, kita perlu tahu bahawa manusia berhak untuk menegur saudaranya tetapi Allah jua yang menentukan segalanya. Allah SWT telah mengumpamakan suara yang baik dan suara yang seburuk-buruknya iaitu seperti seekor himar (Surah Luqman, 31:19). Pada kebiasaannya, apabila seseorang itu sedang marah, mereka tidak dapat mengawal perasaan marah tersebut sehinggakan mereka akan meninggikan suaranya terhadap dengan orang yang sedang berbicara dengannya. Hal ini akan mewujudkan suasana tegang antara satu sama lain hanya kerana

kesilapan dalam penggunaan nada dalam percakapan. Oleh itu, kita perlulah pandai menyesuaikan nada suara dalam berkata-kata agar masyarakat dapat menerimanya dengan hati yang terbuka.

Tidak Berbantah Untuk Kepentingan Peribadi

Islam amat menggalakkan perbincangan, dialog atau musyawarah dengan tujuan untuk mendapatkan kebenaran dan keamanan dalam hidup bermasyarakat. Namun, andainya semua itu dilakukan demi kepentingan peribadi, ia amat ditegah oleh Islam kerana dalam kehidupan bermasyarakat kepentingan peribadi hendaklah dijauhkan. Pun begitu, tidak semua manusia akan sepakat, sependapat dan sebulat suara dalam memutuskan sesuatu keputusan. Walaupun terdapat perselisihan atau bantahan dalam memutuskan suatu keputusan, menerusi perbincangan, debat atau sebagainya, namun semua itu perlu dilakukan atas dasar mendapatkan persepakatan demi kebenaran. Tetapi sekiranya dilakukan demi kepentingan peribadi atau pihak tertentu, maka semua itu hanya memutuskan silaturahim sesama manusia dan ia amatlah dilarang oleh Islam. Dalam konteks komunikasi perlu dibezakan antara berbantah atau perdebatan yang menjurus kepada permusuhan dengan musyawarah dan muzakarah. Di mana musyawarah dan muzakarah ini bertujuan untuk mencapai persepakatan dalam mendapatkan kebenaran. Fenomena tersebut adalah mencakupi semua bentuk komunikasi sama ada di peringkat personal ataupun massa. Demikianlah bentuk prinsip-prinsip *komunikasi bi al-Lisan* yang telah penulis keluarkan berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran. Manakala perbincangan prinsip-prinsip komunikasi menerusi *komunikasi bi al-Hal* adalah seperti di bawah.

Komunikasi bi al-Hal

Menurut Lewis (1975), komunikasi *nonverbal* atau *komunikasi bi al-Hal* boleh didefinisikan sebagai segala bentuk mesej (komunikasi) yang tidak dikodkan dalam perkataan. Perbezaan utama yang terdapat antara sifat komunikasi verbal dengan *nonverbal* ialah komunikasi verbal adalah diaturkan oleh sistem bahasa, manakala komunikasi *nonverbal* pula adalah sebaliknya iaitu tidak diaturkan oleh sistem bahasa. Komunikasi *nonverbal* mempunyai “bahasa” nya yang tersendiri. Menurut Ruesch dan Kees (1972), “bahasa” komunikasi *nonverbal* boleh dikategorikan kepada lima bahagian iaitu isyarat yang berkenaan dengan ruang dan waktu, pergerakan tangan, raut wajah atau air muka, nada percakapan dan menerusi pakaian. Manakala menurut Basril Bading, Andi Alimuddin Unde, Mursalim (2018) pula, komunikasi non-verbal termasuklah isyarat atau interaksi yang berlaku dengan adanya sentuhan fizikal yang lembut terhadap pendengar. Berdasarkan kepada beberapa pandangan tersebut, penulis merumuskan bahawa *komunikasi bi al-Hal* ini adalah komunikasi yang berkaitan dengan segala bentuk yang terlibat dalam komunikasi kecuai yang berkaitan dengan perkataan. Ia termasuklah sama ada dari segi pakaian, raut wajah, pergerakan tangan dan sebagainya yang tidak menggunakan lidah sebagai alat untuk berkomunikasi. Dalam kategori prinsip komunikasi ini, terdapat aneka prinsip yang penting dan perlu diketahui oleh setiap individu untuk berkomunikasi. Antara prinsip-prinsip komunikasi di bawah *komunikasi bi al-Hal* adalah seperti berikut :

Mempunyai Tujuan Yang Baik

Setiap sesuatu yang dilakukan oleh seseorang itu mempunyai niat atau tujuan sama ada ianya baik mahu pun tidak. Namun, hanya tujuan yang baik sahaja yang akan diterima oleh Allah SWT Berdasarkan kepada ayat (Surah al- Ma'idah, 5:2), Maulana Abdullah (1991) dalam “*al-Quran al-Karim, Terjemahan dan Huraian Maksud*” menceritakan dalam tahun ke 6 hijrah, orang-orang Makkah sebagai menunjukkan kebencian mereka dan penentangan mereka terhadap orang-orang Islam, telah menghalang mereka itu daripada memasuki Masjidil Haram. Bila orang-orang Islam mendapat kembali kedudukan yang teguh di Makkah,

sesetengah daripada mereka itu ingin membalas dendam dan menyekat orang-orang Musyrikin ataupun dengan sesuatu cara ingin mengganggu dalam masa mereka melakukan amalan haji mereka. Perbuatan seperti ini adalah ditegah kerana ia termasuk dalam melakukan kejahatan kerana hendak membalas kejahatan orang. Kebencian terhadap mereka yang jahat dan zalim tidaklah membolehkan kita melakukan kezaliman pula. Kita mestilah saling tolong menolong dalam melaksanakan kebaikan dan ketaqwaan dan bukan terus menerus melakukan perbalahan, perseteruan dan kebencian. Kita mesti berjuang untuk menjatuhkan kejahatan tetapi bukanlah dengan semangat dendam kesumat atau kebencian tetapi hendaklah dengan semangat keadilan dan kebenaran

Di sini dapatlah disimpulkan bahawa Allah menegaskan kepada kita supaya melakukan kebaikan sesama manusia dan bertolong bantu antara satu sama lain dan bertaqwa kepada Allah S.W.T serta melarang manusia dari bertolong bantu dalam perkara maksiat (Surah Ali-Imran 3:110). Jika diteliti dan dikaji ayat di atas, konsep *amar ma'ruf nahi munkar* ini adalah salah satu ciri utama bagi kesempurnaan iman seseorang. Orang-orang mukmin yang melaksanakan amar ma'ruf nahi munkar walau di mana sahaja mereka berada dianggap sebagai orang yang terbaik daripada kalangan umat manusia. Menerusi praktikkan daripada *amar ma'ruf nahi munkar* ini juga diharapkan akan lahir peribadi-peribadi yang cintakan kedamaian, keharmonian dan kasih sayang antara satu sama lain. Selain itu, lahir juga peribadi yang bertaqwa kepada Allah dan tawadduk dalam menunaikan segala ibadah serta perintah Allah. Jadi, setiap manusia perlulah menanamkan dalam diri sendiri sikap ingin melakukan sesuatu yang baik dan menjauhkan maksiat agar segala amal yang kita lakukan itu akan diterima dan dirahmati Allah SWT.

Rancang Idea Sebelum Berkomunikasi

Komunikasi yang berkesan adalah komunikasi yang dituturkan secara terancang dan sistematik. Pada lazimnya, komunikasi yang dirancang dengan idea-idea yang menarik sebelum melakukan transaksi komunikasi dengan pandangan lebih banyak meninggalkan impak positif daripada negatif. Berkomunikasi dalam bentuk terancang dan teratur lebih mudah diterima oleh para pendengar. Menurut Fauziah Mohammad (1996), maksud teratur dalam komunikasi ialah mengutamakan yang lebih penting ketika berkomunikasi manakala yang tidak atau kurang penting boleh dikemudiankan. Menurut Lahmuddin Lubis, Fifi Hasmawati dan Hafsa Juni Batubara (2017) komunikasi yang baik adalah dimulakan dengan salam, berbicara dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, nasihat yang baik, adil, menggunakan bahasa dan isi pembicaraan yang sesuai, bersikap jujur dan sebagainya. Oleh itu, penulis menyarankan kepada khalayak pembaca agar lebih bijak dalam mengatur kata-kata dengan mendahulukan yang utama dan menyetepikan yang tidak penting. Elakkan dari berbicara yang boleh membawa kelakar terlalu banyak agar masyarakat tidak alpa dengan isu utama yang ditekankan. Kaitkanlah isu yang ditekankan dengan senario yang berlaku ketika ini agar masyarakat lebih mudah faham dan mengambil berat tentang apa yang diperkatakan. Perancangan awal perlu dilakukan bagi merealisasikan impian yang diinginkan.

Susun Maklumat Perlu Jelas Dan Berstruktur

Selain itu, seseorang penutur juga perlu mengatur dan menyusun maklumat secara berstruktur bagi memudahkan proses komunikasi. Hal ini sebagaimana yang dituntut oleh Allah dalam al-Quran (Surah al-Nur, 24:54) di mana Allah SWT sendiri telah mengatur dalam mentaatinya. Prinsip ini telah digunapakai oleh Saidina Ali semasa hayatnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh Dhirraan bin Dhamrah Alkinany di mana beliau pernah memberitahu Muawiyah tentang keperibadian Saidina Ali (Abdul Mua'ti, 2001). Berdasarkan kepada ayat

al-Quran dan keperibadian Saidina Ali tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa mesej yang disampaikan secara tersusun dan sistematik akan memudahkan proses perkembangan ilmu berjalan lancar. Jika sebaliknya berlaku, maka mesej dan maklumat yang disampaikan akan disalah ertikan oleh pandangan dari mesej sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur. Untuk mengelakkan dari berlakunya hal sedemikian, maka kita perlulah menyediakan teks terlebih dahulu agar apa yang kita perkatakan itu tidak jauh melencong dari landasan kebenaran.

Fokus Ketika Mendengar

Menurut al-Quran (Surah al-An'am, 6:36), (Surah al-Anfal, 8:21-22) dan (Surah Luqman, 31:7), komunikasi tidak hanya tertumpu pada lisan semata-mata tetapi ia juga melibatkan sejauhmana fokus seseorang yang mendengar komunikasi tersebut. Ini kerana komunikasi yang berkesan mestilah menerusi komunikasi dua hala iaitu pendengar betul-betul memahami apa yang diucapkan oleh penutur. Menurut Abdul Mua'ti (2001) hanya pendengar yang benar-benar fokus mendengar sahaja yang dapat memahami dan seterusnya bertindak dengan apa yang disampaikan. Bagi mereka yang bersikap demikian iaitu hanya mendengar tetapi tidak mengikuti apa yang mereka tahu, maka Allah telah menyediakan azab yang pedih kepadanya. Oleh itu, sebarankah perkara baik yang kita ketahui kerana ia mendatangkan kebaikan kepada kita dikemudian hari.

Berkomunikasi Dengan Cara Bersemuka

Terdapat pelbagai bentuk komunikasi yang boleh dilakukan oleh seseorang dalam menyampaikan maklumat. Ia juga boleh dilakukan sama ada dalam bentuk formal, semi formal atau tidak formal. Pemilihan bentuk komunikasi ini boleh dipilih sendiri oleh si penutur mengikut kehendak dan kadar jumlah penerima maklumat tersebut. Dalam komunikasi dengan cara bersemuka ini, ia boleh dilakukan dalam bentuk kumpulan kecil ataupun di hadapan khalayak ramai. Sebagai contoh, komunikasi dalam bentuk dua orang biasanya bersifat tidak normal dan mempunyai tujuan yang khusus. Dalam konteks dakwah, komunikasi secara bersemuka adalah yang terbaik untuk mendapatkan hasil yang berkesan. Ini kerana komunikasi ini dapat mengelakkan berlakunya salah faham atau syak wasangka daripada pihak tertentu semasa penyampaian dakwah serta maklumat yang disampaikan dapat difahami dan dapat menyelesaikan masalah dengan segera. Di dalam al-Quran terdapat contoh yang jelas mengenai komunikasi secara bersemuka seperti kisah Nabi Ibrahim yang telah berdepan dengan ayahnya untuk menyampaikan risalah dakwah (Surah al-An'am, 6:74) dan (Surah Maryam, 19:42- 43). Contoh-contoh ayat yang dinyatakan di atas menunjukkan telah berlakunya komunikasi secara bersemuka di mana Nabi Ibrahim telah bersemuka dengan bapanya semasa menyampaikan dakwah dan menyatakan secara terang-terangan tentang kesesatan bapanya kerana menyembah berhala. Ini jelaslah kepada kita bahawa salah satu dari prinsip komunikasi dalam Islam adalah dengan cara bersemuka.

Mengotakan Apa Yang Dikata

Kaedah menasihati atau mengajar yang terbaik adalah menerusi mempamerkan contoh ikutan dan teladan kepada para pendengar. Ini kerana seseorang penutur itu harus menjadikan dirinya sebagai *central figure* yang boleh dijadikan *role model* kepada para pendengar (Surah al-Saff, 61:2-3). Jika dilihat kepada sebab nuzul ayat tersebut, pada satu masa ketika zaman nabi, ada di antara pemuda-pemuda Islam yang berkata: kalau mereka dapat mengetahui apakah sesuatu amalan yang diredai Allah nescaya mereka akan mengerjakannya; tetapi apabila diberitahu amalan yang diredai Allah itu, maka ada di antara mereka yang tidak mengotakan apa yang mereka katakan. Berdasarkan ayat al-Quran di atas ini jelas menunjukkan bahawa amaran

daripada Allah kepada orang-orang beriman supaya mengotakan setiap kata-kata atau janji yang lahir dari mulut mereka, kerana Allah tidak suka kepada mereka yang hanya pandai berkata-kata sedangkan tidak melaksanakannya. Ini akan menyebabkan timbulnya kesan negatif kepada orang yang bercakap tersebut.

Contohnya dalam kepimpinan, pemimpin yang hanya pandai berkata-kata sedangkan dia tidak melaksanakannya akan menyebabkan masyarakat tidak percaya dan boleh menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap pemimpin itu sendiri. Ini berbeza dengan mereka yang pandai bercakap sekaligus melaksanakan apa yang mereka katakan. Mereka ini akan lebih disenangi dan mudah diterima oleh seluruh masyarakat. Pada lazimnya seseorang itu lebih mudah melihat apa yang dilakukan seseorang berbanding mendengar apa yang diperkatakan oleh mereka. Ini kerana percakapan yang disertakan dengan tingkah laku lebih mudah diterima oleh masyarakat berbanding orang yang pandai berkata-kata tetapi tidak tahu melaksanakannya.

Jujur, Ikhlas Dan Berhati Mulia

Untuk menjadi seorang yang jujur, ikhlas dan berhati mulia perlu menggambarkan gambaran sifat-sifat tersebut dalam percakapan dan perbuatan kerana ia akan menambat hati pendengar. Bagi menggambarkan seorang pendakwah yang baik apabila bertutur, maka bertuturlah berkenaan perkara yang baik dan jangan sekali-kali bersikap hipokrit kerana sebaik-baik mad'u tahu seseorang pendakwah itu cuma berpura-pura sampai bila-bila sukar baginya menerima apa yang pendakwah itu sampaikan. Setiap individu itu tidak mungkin akan dapat menjadikan orang-orang yang mencurigai kejujuran dan keikhlasan mereka untuk menyukai dirinya (Abdullah Hassan, 2002) dan (Surah al-Saff, 61:2-3). Ayat ini jelas mengajar manusia supaya melakukan setiap perkara yang diucapkannya. Allah SWT sangat murka kepada seseorang yang hanya tahu berkata-kata yang baik tetapi tidak melaksanakannya dan menunjukkan contoh teladan. Oleh itu, seseorang pendakwah itu perlulah sentiasa mempunyai penampilan diri dan sahsiah yang baik serta mampu menyelaraskan antara apa yang dilakukan dengan apa yang diperkatakan. Ini secara langsung mendorong seseorang itu menjadi dirinya yang sebenar, yang sentiasa mempraktikkan nilai sebenar dirinya serta tidak hipokrit.

Perbuatan jujur dari keyakinan yang benar tidak disertai hawa nafsu, kerana kejujuran timbul dari kebenaran. Jujur dan benar adalah pasangan ikhlas. Menurut Drs. H. Mod. Rifa'i (2002) yang memetik kata-kata Muhammad al-Ghazali dalam *Akhlak Seorang Muslim* menyatakan bahawa kejujuran adalah nilai yang amat dihargai sebagaimana Rasulullah s.a.w. mengatakan bahawa kejujuran itu pintu gerbang syurga (dapat membawa seseorang ke jalan syurga) manakala kedustaan pula adalah pintu gerbang ke neraka. Bahkan orang yang tidak jujur tidaklah beragama dan salah satu dari tanda-tanda hari kiamat ialah hilangnya kejujuran dari masyarakat manusia. Manakala ikhlas pula adalah amal kebajikan yang kita laksanakan semata-mata kerana Allah iaitu semata-mata hanya mengharap keredaanNya. Ia merupakan komunikasi seseorang itu hanya dengan Allah SWT semata-mata tanpa diketahui oleh orang lain. Ikhlas juga digambarkan sebagai roh dalam melakukan amal kebaikan dan kebajikan seseorang. Sekiranya seseorang itu melakukan amal ibadah yang tidak ikhlas dengan memberitahu hal itu kepada orang lain, maka ia diibaratkan sebagai amal ibadah yang tidak mempunyai roh. Ikhlas juga merupakan syarat diterimanya amal ibadat (Surah al-Bayyinah 98:5). Oleh itu, berlakulah jujur dan ikhlas dalam berkata-kata agar apa yang kita perkatakan itu mudah diterima oleh masyarakat.

Berdoa Dan Bertawakkal Kepada Allah

Sebagai makhluk yang mempunyai Pencipta maka wajiblah ke atas mereka melaksanakan segala perintahNya. Seperti mana yang kita ketahui Allah merupakan Pencipta sekalian makhluk di muka bumi ini maka hendaklah kita ingat bahawa setiap sesuatu yang berlaku adalah atas kehendakNya. Justeru, ujian yang Allah berikan adalah bertujuan bahawa kita adalah makhlukNya dan Ia merupakan tempat pergantungan. Dalam prinsip komunikasi Islam, doa dan bertawakkal juga merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia seharian. Allah juga memerintahkan kepada makhlukNya supaya berdoa kepadaNya. Berdoa yang dimaksudkan bukan hanya apabila ditimpa kesusahan tetapi apabila kita berada dalam kesenangan dan kegembiraan juga hendaklah kita bersyukur terhadap Allah (Surah al-A'raf, 7:55). Berpandukan kepada ayat ini, Allah menyeru kepada hambaNya agar memohon dan berdoa kerana Allah akan memperkenankan doa bagi orang yang telah bersungguh-sungguh dalam usaha mereka. Dalam ayat di atas juga ada menyatakan bahawa Allah tidak suka dengan manusia yang melampaui batas bermaksud memerlukan pertolongan Allah tanpa berusaha terlebih dahulu.

Apabila kita berbincang tentang doa, ia tidak boleh dipisahkan daripada konsep tawakkal sepertimana hamba dan Penciptanya. Doa merupakan senjata orang Mukmin, oleh itu Allah menyeru hambaNya agar sentiasa berdoa. Kita diminta agar mendoakan perkara yang baik sahaja dan kita tidak dibenarkan mendoakan keburukan walaupun kita dianiaya oleh golongan yang tidak berperikemanusiaan. Kita hanya perlu mendoakan kebaikan terhadapnya dan menyerahkan segalanya kepada Allah sebagai penentu (Surah Yunus 11:84). Berdasarkan kepada ayat al-Quran ini, orang Mukmin yang sejati ialah orang hanya menyerahkan segala-gala ketentuan kepada Allah SWT kerana Allah merupakan pergantungan selama-lamanya selepas mereka berusaha sehabis mungkin. Segala yang ditentukan oleh Allah hanya Dia sahaja yang tahu. Namun begitu, ada ayat-ayat al-Quran yang lainnya mengingatkan kita sebagai hamba Allah yang Maha Esa perlulah sentiasa berusaha melakukan sesuatu amalan atau pekerjaan dengan baik dan bersungguh-sungguh walaupun banyak rintangan yang perlu kita lalui. Berdoa dan bertawakkal kepadaNya adalah satu tuntutan kepada kita sebagai hambaNya.

Konsep doa dan tawakkal ini telah jelas dalam al-Quran sebagaimana yang telah berlaku kepada Nabi Musa AS. (Surah Taha, 20:25-28). Berdasarkan kepada sebab nuzul ayat, oleh kerana perkara yang ditugaskan kepada Nabi Musa AS. amat besar, dan Firaun itu pula seorang raja yang amat kejam, maka Nabi Musa merayu kehadiran Allah supaya dilapangkan dadanya sehingga dia dapat menghadapi segala tentangan dengan tabah hati. Baginda berdoa agar Allah SWT menjadikannya seorang yang petah berkata-kata supaya mudah difahami oleh orang ramai dan supaya dia dapat mengalahkan hijah-hujah lawan. Oleh itu, dalam setiap komunikasi yang kita lakukan perlulah berkonsepkan doa dan tawakkal kepada Allah. Ini kerana, tidak semua yang kita lakukan itu diterima dan diambil oleh masyarakat. Namun, kita selaku manusia perlu berusaha terlebih dahulu dalam menyampaikan risalah Allah kemudian barulah berdoa dan bertawakkal kepadaNya. Sebab itulah doa dan tawakkal menjadi salah satu prinsip komunikasi dalam Islam.

Mengambil Kira Pandangan Dan Fikiran Orang Lain

Dalam konsep persahabatan, orang yang beriman pastinya berazam menghapuskan semua faktor yang boleh menimbulkan masalah di antara satu sama lain dan sekaligus mewujudkan persekitaran yang aman dan selesa. Mereka mengetahui yang sahabat-sahabat mereka juga merupakan hamba Allah yang lemah seperti diri mereka sendiri. Mereka juga mengetahui yang mereka tidak dapat lari daripada melakukan kesilapan, salah dalam pemahaman dan

sebagainya. Maka di sini prinsip komunikasi ini amat berkait rapat dengan jalinan kasih sayang, kemesraan dan sifat saling menghormati dalam kalangan manusia sejagat (Surah Ali-Imran 3:159). Manusia biasanya tidak akan dikuasai oleh perasaan marah yang melampau atau bertindak zalim kepada orang yang memberi pandangan. Secara literalnya, sikap orang mukmin adalah menerima pendapat dan teguran sebagai (saudara) dan saling menyayangi seikhlasnya antara satu sama lain. Mereka berkongsi pendapat dan buah fikiran bagi mengelakkan persengketaan sesama mereka.

Saranan untuk mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain juga sebenarnya telah muncul suatu ketika dahulu. Ini sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh manusia pertama iaitu Nabi Adam AS dalam peristiwa untuk memilih siapakah yang berhak untuk berkahwin dengan Iqlima. Dalam peristiwa tersebut, Nabi Adam AS telah mempraktikkan prinsip komunikasi ini di hadapan Allah SWT. Sehingga ke hari ini prinsip komunikasi ini masih lagi dipraktikkan oleh umat manusia menerusi ibadat kepada Allah (Musthafa Muhammad Tahhan, 2001). Berdasarkan ayat (Surah Syura, 42:36), dapatlah penulis simpulkan di sini bahawa pendapat yang lahir dari dua kepala adalah jauh lebih baik dari satu kepala. Allah SWT sendiri telah menyeru manusia supaya berbincang dan bermesyuarat dalam memutuskan sesuatu keputusan. Jadi, apabila kita berkomunikasi, kita juga sepatutnya berfikiran lebih terbuka dan saling bertukar pendapat sesama masyarakat agar komunikasi yang kita laksanakan itu mudah menyerap masuk ke hati masyarakat.

Bersifat Rendah Diri Dan Jauh Dari Tanggapan Buruk Terhadap Orang Lain

Sifat rendah diri merupakan salah satu sifat asasi yang mendorong kepada muamalah yang baik sesama manusia. Seseorang yang mempunyai sifat rendah diri akan menyedari bahawa semua manusia adalah sama dan tidak berpuak-puak atau bersuku-suku. Selain itu, dia juga sedar bahawa hanya ketaqwaan sahaja yang dapat membezakan di antara seseorang individu dengan individu lain di sisi Allah SWT (Surah Hujurat, 49:12-13). Seseorang yang mengiltizamkan dirinya dengan sifat rendah diri akan mudah diterima oleh orang lain. Seandainya mereka seorang pendakwah, maka dakwahnya itu mudah diterima oleh golongan sasaran kerana proses dakwah memerlukan hubungan yang berterusan antara pendakwah dan mad'u sampai ke dalam hati dan perasaan (Ahmad Ahmad Ghullusy, 1978). Selain itu, seseorang itu juga hendaklah mengelakkan diri daripada bersifat takabbur kerana sifat itu tidak disukai oleh masyarakat. Sifat ini akan menyebabkan seseorang itu akan merasakan dirinya lebih hebat daripada orang lain malah memperkecil-kecilkan kebolehan orang lain. Ibnu Qayyim dalam bukunya *al-Ruh li Ibn Qayyim* berpendapat bahawa orang yang takabbur tidak melihat kelebihan orang lain cuma yang dilihatnya adalah kelebihan dirinya mengatasi orang lain.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh penulis, terdapat pelbagai prinsip komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran. Prinsip-prinsip ini dipetik dari ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam pelbagai surah sebagai panduan kepada umat manusia. Walaupun terdapat pelbagai bentuk prinsip di dalam al-Quran tersebut, namun penulis telah cuba mengklasifikasikannya kepada beberapa prinsip. Maka dengan ini jelaslah menunjukkan bahawa prinsip komunikasi telahpun termaktub di dalam al-Quran dan prinsip-prinsip tersebut perlulah dilaksanakan oleh manusia dalam mengatur tutur kata ketika memulakan proses komunikasi. Dengan menggunakan perkataan yang baik dan sesuai dengan kehendak pendengar maka seluruh isi pokok yang kita bicarakan itu mudah meresapi ke dalam sanubari pendengar serta dapat menghasilkan sesuatu yang kita harapkan. Oleh itu, dengan melaksanakan prinsip komunikasi

yang digariskan dalam al-Quran dapatlah sesebuah masyarakat itu hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Seed Money PPIB UMS (TPB1907) dan Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) (Kod Geran: TLS2111).

Rujukan

- Abdul Mua'ti Haji Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohammad. (2002). *Komunikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2002). *Komunikasi untuk Pendakwah., Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin. (1997). *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ahmad Ghullusy. (1978). *al-Dakwah al-Islāmiyyah, Usuluha wa Wasāiluha*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misr.
- Ahmad Zamroni dan Abdul Hafiz. (1997). *Etika Dialog dalam Islam*. Terj. *Adabul Hiwar fi Islam*. Selangor: Mustaqim.
- Basril Bading, Andi Alimuddin Unde, Mursalim. (2018). Penerapan Prinsip-Prinsip Komunikasi Interpersonal Guru BK terhadap Tingkat Kenakalan Siswa. *Jurnal Komunikasi KAREBA Vol.7 No.1 Januari-Juni 2018*. 139-149.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. Routledge, Oxon.
- Drs. H. Mod. Rifa'i. (2002). *Akhlah seorang Muslim*. Selangor: Crescent News (KL) Sdn. Bhd.
- Fauziah Mohamad. (1996). *Konsep Tutur Bicara dalam Islam*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Ghazali Darussalam & Hussin, S. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gouran, D.S., W.E. Wiethoff & J.A. Doelger. (1994). *Mastering Communication*, Second Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Harun Yahya. terj. Azmir Husin bin Abdul Rahim.etc. (2004). *Kasih Sayang Orang Mukmin*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Helmi Akhtar & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2017). Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, Jil. 25, Bil. 3 (2017) 531-562.
- Khatibah. (2016). Prinsip-Prinsip Komunikasi Pustaka (Perspektif Komunikasi Islam). *Jurnal Iqra' Volume 10, No.2*. 47-53.
- Knaap, M. (1972). *NonVerbal Communication in Human Interactions*. New York: Holt, Rinehart dan Winston.
- Lahmuddin Lubis, Fifi Hasmawati & Hafisah Juni Batubara. (2017). Penerapan Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Mensukseskan Program KB di Rantau Prapat Kec. Rantau Selatan Kabupaten Labuhanbatu. *AL-BALAGH: Vol. 1 No. 2 Disember 2017*. 267-290.
- Lewis, P.V. (1975). *Organizational Communication: The Essence of Effective Management*. Columbus: OH Grid.
- Maulana Abdullah Yusuf Ali. (1991). *al-Qur'ān al-Kārim, Terjemahan dan Huraian Maksud*. Jil.1. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulana Abdullah Yusuf Ali. (1991). *al-Qur'ān al-Kārim, Terjemahan dan Huraian Maksud*. Jil.1. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Nazri Zainuddin. (2005). *1001 Feqh Nasihah*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Mustafa Haji Daud. 1995. *Budi Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musthafa Muhammad Tahhan. (2001). *Muslim Ideal Masa Kini*. Jakarta: Cendekia Sentra Muslim.
- Rosni Wazir, Jamiurrashid Makmum, Rafiza Kasbun dan Khodijah Abdul Rahman (2015). *Komunikasi Dalam Islam Prinsip-Prinsip Berdasarkan al-Quran dan al-Sunah*. H A D I S: Jurnal Ilmiah Berwasit. Tahun kelima, Bil: 10, R. awal 1437h, (Disember 2015).
- Roziyah Sidek. (2004). *Genius Muhammad Bin Abdullah*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sulaiman Ibrahim. (2005). *Metodologi Dakwah Fardiyyah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2003). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan tesis (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tomi Hendra dan Peri Musliadi. (2019). Prinsip dan Unsur-Unsur Komunikasi dalam Perspektif al-Qur'an. *Jurnal Wardah*. ISSN 1412-3711. 12-31.
- Trenholm, S. (1994). *Thinking Through Communication: An Introduction to the Study of Human Communication*. Boston: Allyn and Bacon.